

11 MAY 1996

Konvensyen - Bahas (Ekonomi)

USAHAWAN MELAYU LUPA FAKTOR BUMIPUTERA DALAM PEMBERIAN KONTRAK

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Usahawan Melayu perlu sedar bahawa sebilangan besar daripada mereka diberikan kontrak untuk sesuatu projek bukan berdasarkan keupayaan mereka sahaja tetapi kerana mereka Bumiputera, kata anggota Parlimen Rompin Datuk Dr Jamaludin Jarjis hari ini.

Ketika membahaskan kertas kerja ekonomi yang dibentangkan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Datuk Seri Yahaya Ahmad pada Konvensyen Ulangtahun Ke-50 Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, beliau berkata perkara itu dibangkitkan kerana banyak usahawan Melayu lupa tentang hakikat itu.

"Oleh itu, mereka mesti ada perasaan tanggungjawab untuk membela usahawan Melayu lain. Kita menuntut mereka ini mengikat satu kontrak sosial untuk mengagih dan membantu usahawan lain," katanya.

Jamaludin yang mewakili Pahang juga mencadangkan penubuhan satu badan pengawas yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengawalselia pemberian kontrak dan prestasi usahawan berkenaan.

Kekuatan ekonomi ialah faktor penting dan pra-syarat untuk Umno terus berkuasa bagi menentukan kelangsungan bangsa Melayu pada masa depan, katanya.

Wakil Kedah Hanafi Ramli berkata usahawan Melayu yang berjaya perlu membimbing usahawan baru mengenai selok-belok perniagaan.

Katanya usahawan baru juga perlu memanfaatkan peluang-peluang latihan dan perniagaan yang disediakan kerajaan serta mengambil inisiatif untuk mempromosikan aktiviti masing-masing.

Wakil Selangor Puan Sharifah Noli Syed Husin berkata satu program menyeluruh perlu dirangka untuk menentukan hala tuju wanita Melayu dalam bidang ekonomi.

Beliau berkata penglibatan usahawan wanita Melayu amat kurang disebabkan beberapa faktor seperti kesulitan mendapatkan pinjaman, peluang perniagaan yang terbatas dan ketidakseragaman tindakan.

"Keupayaan usahawan wanita harus terus digilap dan disatupadukan bagi menentukan wanita Melayu tidak terpinggir daripada arus ekonomi negara," katanya. -- BERNAMA

HS MAM AKD